

SOALAN NO. : 45

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

TARIKH : 4 NOV 2014
(SELASA)

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bahawa adakah *Flood Mitigation Project Sibu* akan diteruskan. Jumlah Fasa untuk keseluruhan projek ini. Untuk Rancangan Malaysia ke-11, nyatakan berapa Fasa, peruntukan dan jenis kerja yang akan dilakukan dalam *Flood Mitigation Project Sibu*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bercadang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 3 dan Fasa 4 dalam Rancangan Malaysia ke-11(RMKe-11). Anggaran kos bagi kedua-dua fasa ini adalah berjumlah RM400 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Fasa 3 dan 4 ini adalah bergantung kepada peruntukan yang akan diluluskan kelak.

Sehingga kini, sebanyak dua fasa telah dan sedang dilaksanakan. RTB Sibu, Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada September 2012 dengan kos sebanyak RM137 juta. Manakala Fasa 2 yang masih dalam pelaksanaan, dijangka akan siap menjelang akhir tahun 2014 dengan kos RM46.7 juta. Sehingga 31 Ogos 2014, kemajuan fizikal projek ialah 86%.

Sekian, terima kasih.